



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**ANALISIS FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGUASAAN
KEMAHIRAN MEMBACA MURID SEKOLAH KEBANGSAAN:
KAJIAN DI ZON OK9 MANGGATAL, KOTA KINABALU**

*ANALYSIS OF FACTORS INFLUENCING THE MASTERY OF READING SKILLS
AMONG NATIONAL SCHOOL STUDENTS: A STUDY IN THE OK9 MANGGATAL
ZONE, KOTA KINABALU*

Saifulazry Mokhtar^{1*}, Kasoma Thia^{2*}, Mohd Sohaimi Esa^{3*}, Irma Wani Othman⁴, Romzi Ationg⁵,
Abang Mohd Razif Abang Muis⁶

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
E-mail: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

² SMK Tebobon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: kasomathia77@gmail.com

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
E-mail: msahaimi@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
Email: irma@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
Email: mrationg@ums.edu.my

⁶ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
Email: amrazif@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 28.08.2025

Published date: 22.09.2025

To cite this document:

Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S.,
Othman, I. W., Ationg, R., Abang
Muis, A. M. R. (2025). Analisis
Faktor Yang Mempengaruhi

Abstrak:

Bahasa Melayu merupakan tonggak utama dalam pembelajaran dan perkembangan akademik murid di sekolah kebangsaan. Penguasaan kemahiran membaca yang lemah boleh menghalang pencapaian akademik murid dan menyebabkan mereka tercicir dalam pendidikan. Masalah keciciran ini sering kali berkait rapat dengan pelbagai faktor yang menghalang murid daripada menguasai kemahiran membaca dengan efektif. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca di kalangan murid sekolah kebangsaan di Zon OK9 Manggatal, Kota Kinabalu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah pengumpulan data melalui temu bual separa berstruktur yang melibatkan guru dan pentadbir sekolah di beberapa buah

Penguasaan Kemahiran Membaca Murid Sekolah Kebangsaan: Kajian Di Zon Ok9 Manggatal, Kota Kinabalu. *International Journal of Modern Education*, 7 (26), 1136-1156.

DOI: 10.35631/IJMOE.726074

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



sekolah dalam zon tersebut. Penguasaan kemahiran membaca dianggap sebagai asas penting dalam kejayaan akademik, dan ia dipengaruhi oleh faktor-faktor peribadi, keluarga, sekolah, serta persekitaran. Hasil kajian mendapati dua faktor utama yang menyumbang kepada keciciran penguasaan kemahiran membaca, iaitu faktor endogen (dalaman murid) dan eksogen (luaran seperti keluarga dan sekolah). Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor utama yang mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca murid, sekaligus memberikan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran membaca di sekolah-sekolah berkenaan. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan penting kepada pendidik, pihak sekolah, serta pemegang taruh lain dalam merancang dan melaksanakan strategi yang lebih efektif untuk mempertingkatkan kemahiran membaca murid di masa depan.

Kata Kunci:

Faktor, Kemahiran Membaca, Murid Sekolah, OK9, Penguasaan

Abstract:

The Malay language is a cornerstone in the learning and academic development of students in national schools. A lack of proficiency in reading skills can hinder a student's academic achievement and lead to educational setbacks. This issue of academic underachievement is often closely related to various factors that prevent students from mastering reading skills effectively. Considering this, this study aims to analyze the factors influencing the mastery of reading skills among students in national schools within the OK9 Manggatal Zone, Kota Kinabalu. The study employs a qualitative approach, using semi-structured interviews as the data collection method, involving teachers and school administrators from several schools within the zone. Mastery of reading skills is considered a key foundation for academic success, and it is influenced by personal, family, school, and environmental factors. The findings of the study reveal two main factors contributing to the underachievement in reading mastery: endogenous factors (internal to the students) and exogenous factors (external factors such as family and school). The results of this study are expected to provide a deeper understanding of the primary factors affecting students' mastery of reading skills, while also offering recommendations to enhance the effectiveness of reading instruction in the schools involved. Furthermore, this study is hoped to serve as an important reference for educators, school authorities, and other stakeholders in planning and implementing more effective strategies to improve students' reading skills in the future.

Keywords:

Factors, Mastery, OK9, Reading Skills, School Pupils

Pengenalan

Pendidikan merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan manusia. Tanpa pendidikan, tahap pengetahuan manusia tidak akan berkembang kerana hanya bersandarkan kepada pengalaman hidup semata-mata (Mokhtar et al., 2021a). Pendidikan adalah satu proses penyampaian ilmu dari seorang individu kepada individu lain (Mokhtar et al., 2021b). Bagi memastikan kelangsungan ilmu pengetahuan berterusan sehingga generasi seterusnya. Tambahan lagi, menurut Mokhtar, et.al. (2019), pelaksanaan dan pembaharuan dalam

pendidikan ini membuktikan bahawa pihak KPM tidak mahu sistem pendidikan di Malaysia ini jauh ketinggalan dari negara-negara yang maju. Justeru, membaca merupakan aktiviti penting dalam kehidupan manusia untuk kelangsungan ilmu pengetahuan. Maklumat yang diperoleh melalui pembacaan dapat digunakan sebagai panduan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Menurut Mahamod (2008) dan Othman (2008) berpendapat bahawa keberkesanan dalam membaca juga merupakan satu perkara penting yang perlu diambil berat oleh setiap murid ketika membaca. Misalnya, untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan, seseorang murid itu perlu mempunyai kemahiran membaca yang betul. Biasanya, murid akan mudah lupa dan tidak memahami apa yang dibaca walaupun membacanya dengan berulang kali.

Keadaan tersebut menunjukkan bahawa cara membaca murid berkenaan belum dapat menghasilkan kefahaman daripada pembacaan yang dilakukan. Untuk mengelakkan pembaziran masa, murid perlu mengetahui dan melatih diri membaca dengan betul berdasarkan kaedah-kaedah pembacaan yang bersesuaian dengan diri mereka. Menurut Yaakub (2008) berpendapat kaedah pembacaan yang tidak bersesuaian tentunya boleh menyebabkan murid merasa cepat bosan, kurang minat dan kemungkinan cepat mengantuk ketika membaca. Isu membaca tidak pernah lapuk untuk dibincangkan dan diperkatakan oleh setiap lapisan masyarakat. Biarpun masyarakat kini mengalami arus perubahan dalam dunia globalisasi, serta bergelumang dengan dunia teknologi maklumat dan perkomputeran, namun hakikat kepentingan membaca tidak boleh diabaikan dan disangkalkan lagi (Razak 2007).

Menurut Mokhtar dan Thia (2023), proses pembelajaran adalah suatu tuntutan yang sangat ditekankan oleh agama kepada penganutnya dan boleh dikatakan semua agama yang ada di alam nyata ini menyarankan penganutnya untuk menuntut ilmu khususnya agama Islam. Tuntutan ini termasuklah dalam menguasai kemahiran membaca. Masalah membaca juga dapat menjejaskan prestasi pencapaian murid dalam semua mata pelajaran kerana membaca adalah kunci kepada ilmu pengetahuan. Menurut Arshad (2003), kajian berkaitan proses membaca penting dilakukan untuk membantu murid menambahkan khazanah ilmu sedalamnya. Penyelidikan berkaitan dengan aspek membaca mencerminkan wujudnya kesedaran untuk menjadikan amalan membaca sebagai budaya ilmu yang perlu dikekalkan. Dalam pendidikan bahasa Melayu di Malaysia, penekanan terhadap proses membaca telah diberikan perhatian, terutama melalui penetapan kemahiran bahasa yang perlu dicapai seperti yang terkandung dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2000). Justeru, masalah membaca memberi impak yang begitu besar terhadap keupayaan murid-murid untuk mencapai keputusan yang lebih baik dalam semua mata pelajaran, termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kajian Literatur

Kemahiran membaca merupakan asas kepada pencapaian akademik dan perkembangan kognitif murid sekolah rendah. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pelbagai usaha telah dijalankan untuk memperkukuh kemahiran ini, antaranya melalui program LINUS (*Literacy and Numeracy Screening*) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Walau bagaimanapun, jurang pencapaian membaca antara murid bandar dan luar bandar, khususnya di negeri Sabah, masih ketara dan menuntut penelitian yang lebih mendalam terhadap faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kemahiran membaca tidak hanya melibatkan keupayaan menyebut perkataan secara fonetik tetapi turut merangkumi pemahaman,

keupayaan menafsir maklumat dan membuat refleksi terhadap bahan bacaan (Snow, 2002). Chall (1996) mengenal pasti lima tahap perkembangan membaca yang merangkumi pramembaca, dekoding, kelancaran, membaca untuk pembelajaran, dan membaca kritikal. Sekiranya berlaku kelewatan dalam penguasaan membaca, ia akan memberi kesan negatif terhadap keseluruhan prestasi akademik murid.

Menerusi sorotan literatur lalu, hasil dapatan kajian mendapati antara faktor utama yang mempengaruhi kemahiran membaca ialah latar belakang keluarga. Murid daripada keluarga berpendapatan rendah atau ibu bapa yang kurang berpendidikan sering mengalami kekangan dalam pendedahan bahan bacaan dan bimbingan awal (Brophy, 2000). Mustapha, Rahman dan Yunus (2010) menegaskan bahawa penglibatan ibu bapa dalam aktiviti membaca di rumah, penyediaan ruang dan masa untuk membaca serta sikap positif terhadap pendidikan amat penting dalam memupuk minat membaca dalam kalangan anak-anak. Faktor pengajaran dan keberkesanan guru juga memainkan peranan penting dalam penguasaan membaca. Penggunaan strategi pengajaran yang berkesan, pendekatan fonik, serta bahan bantu mengajar yang menarik mampu meningkatkan keupayaan membaca murid (Rasinski, 2003). Di kawasan luar bandar seperti di Sabah, kekurangan guru terlatih dan sumber pengajaran menjadi antara halangan besar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Selain itu, faktor dalaman murid seperti minat, motivasi, dan kesediaan membaca juga memberi kesan terhadap pencapaian mereka. Paris dan Paris (2003) menyatakan bahawa motivasi intrinsik seperti rasa ingin tahu dan kegembiraan membaca mendorong murid untuk terus memperbaiki tahap literasi mereka. Justeru, intervensi untuk meningkatkan motivasi murid perlu diberi perhatian. Faktor persekitaran sekolah yang menyokong amalan membaca turut membantu dalam membina budaya literasi. Kehadiran perpustakaan yang aktif, program galakan membaca seperti NILAM, serta sokongan guru dan rakan sebaya menjadi pemangkin kepada penguasaan membaca (Yusof & Abdullah, 2014). Sekolah yang kurang kemudahan seperti ini seringkali menghadapi cabaran untuk memastikan semua murid menguasai kemahiran membaca dengan baik.

Kajian yang dilakukan oleh Mahmor, Mokhtar dan Yusof (2018) mendapati bahawa murid di kawasan luar bandar Sabah, termasuk di Zon OK9 Manggatal, berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam penguasaan membaca. Faktor sosioekonomi, jurang digital, kekurangan bahan bantu mengajar dan sokongan komuniti menjadi antara penyumbang utama kepada permasalahan ini. Laporan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (2022) turut menyokong dapatan ini dengan menunjukkan kadar pencapaian LINUS dalam kalangan murid di kawasan tersebut masih tidak konsisten. Meskipun terdapat pelbagai kajian mengenai literasi membaca secara umum, kajian yang memfokuskan kepada konteks mikro seperti Zon OK9 masih kurang. Kajian ini penting bagi mengenal pasti faktor-faktor tempatan yang mempengaruhi kemahiran membaca murid dan seterusnya mencadangkan intervensi yang lebih bersesuaian dengan keperluan komuniti setempat. Penguasaan membaca murid tidak hanya dipengaruhi oleh satu faktor tetapi merupakan hasil interaksi pelbagai aspek yang saling berkaitan. Oleh itu, usaha bersepadu daripada semua pihak diperlukan bagi memastikan murid, khususnya di kawasan luar bandar, dapat menguasai kemahiran asas ini dengan baik.

Jadual 1: Sorotan Literatur Mengenai Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah

Aspek Kajian	Perincian
Kepentingan Kemahiran Membaca	Asas pencapaian akademik dan perkembangan kognitif serta melibatkan sebutan fonetik, pemahaman, interpretasi dan refleksi (Snow, 2002).
Tahap Perkembangan Membaca	Pramembaca, dekoding, kelancaran, membaca untuk pembelajaran, membaca kritikal (Chall, 1996) dan kelewatan penguasaan membaca menjejaskan prestasi akademik.
Jurang Pencapaian Membaca	Masih ketara antara murid bandar dan luar bandar, khususnya di Sabah dan memerlukan penelitian lanjut terhadap faktor penyumbang.
Faktor Latar Belakang Keluarga	Pendapatan rendah dan tahap pendidikan ibu bapa memberi kesan kepada pendedahan bahan bacaan (Brophy, 2000). Penglibatan ibu bapa penting (Mustapha et al., 2010).
Faktor Guru dan Pengajaran	Strategi pengajaran berkesan, bahan bantu mengajar, dan pendekatan fonik dapat bantu penguasaan membaca (Rasinski, 2003). Kekurangan guru terlatih di kawasan luar bandar menjadi cabaran (KPM, 2015).
Faktor Dalaman Murid	Minat, motivasi, dan kesediaan membaca mempengaruhi pencapaian dan motivasi intrinsik penting (Paris & Paris, 2003).
Faktor Persekitaran Sekolah	Sokongan sekolah melalui perpustakaan, program NILAM, guru dan rakan sebaya penting (Yusof & Abdullah, 2014). Sekolah luar bandar kurang kemudahan sokongan.
Isu Tempatan di Sabah (Zon OK9)	Murid hadapi cabaran sosioekonomi, kekurangan bahan bantu, jurang digital, dan kurang sokongan komuniti (Mahmor et al., 2018; JPN Sabah, 2022).
Kekosongan Kajian	Kajian mikro di kawasan seperti Zon OK9 masih kurang dan memerlukan kajian kontekstual untuk intervensi lebih berkesan.
Cadangan Umum	Usaha bersepadu antara ibu bapa, sekolah, komuniti dan kerajaan perlu untuk meningkatkan penguasaan membaca murid luar bandar.

Sumber: Kajian Penyelidikan (2025)

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah pengumpulan data melalui temu bual separa berstruktur. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat secara mendalam dan menyeluruh berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah di Zon OK9, Manggatal, Kota Kinabalu. Temu bual separa berstruktur memberi ruang kepada fleksibiliti dalam pertanyaan, sambil memastikan aspek utama kajian tetap dibincangkan (Merriam, 2009). Responden kajian terdiri daripada guru pentadbir sekolah, ketua panitia Bahasa Melayu, guru pemulihan serta guru-guru di sekolah-sekolah dalam Kawasan OK9, Manggatal, Kota Kinabalu, Sabah yang dikenal pasti melalui teknik persampelan bertujuan atau *purposive sampling* (Patton, 2015). Individu yang dipilih merupakan pihak yang terlibat secara langsung dengan perkembangan literasi murid dan berupaya memberikan maklumat berdasarkan pengalaman sebenar mereka.

Proses temu bual dijalankan secara bersemuka di sekolah-sekolah terpilih dengan menekankan etika penyelidikan seperti keizinan bertulis, kerahsiaan maklumat, dan keizinan rakaman audio (Creswell & Poth, 2018). Temu bual direkod dan ditranskripsikan sepenuhnya sebelum dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Analisis tematik melibatkan proses mengenal pasti, menganalisis, dan mentafsir tema-tema utama yang muncul daripada data (Braun & Clarke, 2006). Kajian ini dijalankan bermula Julai 2024 sehingga Julai 2025. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami naratif responden dalam konteks sosial dan budaya setempat. Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, penyelidik turut melaksanakan strategi validasi seperti semakan transkrip oleh responden (*member checking*) dan triangulasi data daripada pelbagai sumber (Lincoln & Guba, 1985).

Carta alir metodologi kajian ini Adalah seperti dalam rajah 1 berikut.



Rajah 1: Carta Alir Metodologi Kajian

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Perbincangan


Bagi memastikan sesebuah komunikasi itu berkesan dan terkesan kepada pendengar, komunikasi tersebut hendaklah dilakukan dengan menggunakan perkataan yang baik, bijak dan pandai mengatur kata-kata, mengetahui situasi yang sesuai untuk meneruskan komunikasi ataupun secara ringkasnya adalah dengan menggunakan prinsip-prinsip komunikasi yang telah ditetapkan (Mokhtar et al., 2021d). Sebagai seorang pendidik, mereka seharusnya mempersiapkan diri terlebih dahulu dari segi fizikal dan mental sebelum menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran harian. Bagi memastikan sesuatu ketepatan maklumat yang diterima, satu disiplin ilmu komunikasi perlulah dikuasai terlebih dahulu sebelum proses komunikasi itu bermula (Mokhtar et al., 2022a). Guru juga perlu mengetahui susur galur pelajar yang akan diajarnya sebelum melangkah kaki ke kelas. Hal ini penting kerana jika tiada persiapan rapi yang dibawa, sudah pasti objektif pengajaran tidak akan tercapai dan kaedah yang digunakan akan jadi sia-sia. Oleh itu, seorang guru itu perlu tahu tahap penguasaan seseorang pelajar dan bijak mengatur langkah dalam kemahiran yang digunakan. Perbincangan secara terperinci adalah seperti berikut.

Penguasaan Murid Dalam Membaca, Menulis Dan Mengira (3M)

Menurut Papalia (2001), seseorang manusia dengan manusia lain adalah berbeza dari segi jantina, berat, bentuk badan, kesihatan tahap tenaga personaliti dan emosi. Manusia juga hidup dalam sudut persekitaran yang berbeza, seperti gaya hidup keluarga, sosio-ekonomi keluarga, sekitar sekolah dan dirumah, komuniti masyarakat. Slavin (1997), mengaitkan perbezaan individu dengan konteks pengajaran dan pembelajaran. Beliau mengatakan kepelbagaian murid terdapat dalam tahap prestasi, kadar belajar, gaya kognitif, etnik, budaya, kelas sosial, bahasa, jantina, bakat dan minat.

Pada 10 Julai 2024 yang lalu, ketika perjumpaan pihak sekolah bersama Ahli Jawatan Kuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (AJK PIBG) di SK Kebagu, Guru Besar telah berkongsi masalah utama yang dihadapi oleh warga sekolah iaitu penguasaan murid dalam 3M. Menurut Apiu (2024), terdapat seramai 90 orang murid yang masih tidak menguasai kemahiran 3M dari tahun dua hingga tahun enam berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu. Dapatan awal menunjukkan bahawa kebanyakan murid di SK. (C), Kota Kinabalu amnya terdiri daripada mereka yang keluarganya tidak memandang tinggi terhadap pelajaran. Ini kerana, rata-rata murid tahun satu di sekolah ini tidak menguasai sepenuhnya kemahiran 3M ketika berada di prasekolah ataupun tadika. Hal ini sebenarnya memberikan satu impak yang negatif terhadap tahap pencapaian sekolah berkenaan. Walau bagaimanapun, dengan adanya Kelas Pemulihan dan Program Mentor Mentee di sekolah ini sedikit sebanyak dapat membantu murid-murid tersebut untuk menguasai Bahasa Melayu sehingga ada yang terkeluar dari kelompok murid 3M. Pendekatan kemahiran membaca menerusi suku kata perlu diaplikasi dan diajarkan kepada murid-murid yang lemah tersebut agar mereka boleh dan berjaya membaca suatu hari nanti.

Setelah diperinci secara lebih mendalam, terdapat beberapa masalah dalam penguasaan murid khususnya terhadap pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah kawasan OK9, Kota Kinabalu. Ramai dalam kalangan murid tersebut tidak dapat membaca petikan dengan lancar dan betul serta masih ada yang tidak dapat membaca perkataan yang agak panjang. Rajah 1 berikut menunjukkan data murid pemulihan bagi sekolah-sekolah kawasan Manggatal (OK9) yang terkini.



Rajah 2: Murid Pemulihan di Sekolah Kebangsaan Kawasan OK9 Manggatal (Julai 2024)


Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Rajah 2 di atas menunjukkan sembilan buah sekolah yang terdapat di daerah Manggatal, Kota Kinabalu yang dikenali sebagai OK9. Sembilan buah sekolah tersebut adalah seperti SK (A), SK (B), SK (C), SK (D), SK (E), SK (F), SK (G), SK (H) dan SK (I). Secara keseluruhannya, jumlah tertinggi murid yang masih tidak menguasai Kemahiran 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) adalah tertumpu di SK (C). Terdapat 90 orang murid yang masih berada di tahap membimbangkan kerana tidak dapat menguasai Kemahiran 3M dengan baik. Daripada Jumlah tersebut, 29 orang murid adalah murid tahun 2, 27 orang murid dari tahun 3, 17 orang murid dari tahun 4, 13 orang murid dari tahun 5 dan 4 orang murid dari tahun 6. Jumlah ini jelas menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pentadbir sekolah serta menyarankan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK (C) untuk sama-sama mencari jalan alternatif bagi menyelesaikan kemelut masalah yang dihadapi ini. Lantaran itu, satu mesyuarat khas pentadbir sekolah dengan pihak PIBG telah dijalankan pada 10 Julai 2024 bagi meningkatkan lagi tahap penguasaan Kemahiran 3M dalam kalangan murid yang terlibat.

Walau bagaimanapun, inisiatif seperti Kelas Pemulihan dan Program Mentor Mentee membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Kaedah pengajaran membaca menggunakan suku kata dilihat mampu membantu murid-murid lemah agar suatu hari nanti mereka dapat membaca dengan lancar. Menurut Apiu (2025), jumlah murid yang tidak menguasai kemahiran membaca di sekolahnya hanya tinggal 45 orang Sahaja lagi berbanding 90 orang pada Julai tahun 2024 dengan pendekatan tersebut. Kreativiti dan pendekatan yang digunakan oleh guru perlulah sesuai dengan tahap dan kemampuan murid agar proses pembelajaran tersebut mencapai matlamat yang diinginkan.

Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Kemahiran Membaca

Keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek yang sangat penting dalam sistem pendidikan. Justeru, bagi meningkatkan dan memperhebat usaha-usaha ke arah amalan pengajaran berkesan memerlukan kepada daya kreativiti guru yang dapat menggunakan segala kebolehan dan kemahiran dalam menyampaikan isi pembelajaran. Ini dapat dilakukan berdasarkan ketajaman idea-idea baru bagi menjana penguasaan maksimum para murid terhadap ilmu pengetahuan yang disampaikan. Penguasaan maksimum tersebut akan melahirkan murid yang cemerlang dalam akademiknya. Namun begitu, terdapat juga beberapa faktor yang dapat menghakis dan mempengaruhi kemahiran seseorang murid dalam proses membaca. Berikut adalah beberapa faktor dan penyebab yang menjadi punca kepada kejayaan seseorang murid membaca sekalipun proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan ke atas mereka sama dan sejajar dengan murid lain. Perbincangan faktor tersebut adalah seperti rajah 3 berikut :



Rajah 3: Faktor yang Mempengaruhi Kemahiran Membaca

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Faktor Endogen (Baka / Ibu Bapa)

Faktor baka merupakan faktor utama dalam pencapaian murid dalam membaca. Ini kerana ibu bapa merupakan agen kecemerlangan dan *role model* yang paling hampir dengan anak. Dalam mendidik anak-anak, ibu bapa seharusnya menitik beratkan soal pendidikan dan pembelajaran anak-anak agar mereka memahami dan menilai ilmu sebagai suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan. Faktor baka atau genetik merujuk kepada ciri-ciri yang diwarisi daripada ibu bapa, termasuk potensi intelektual dan kebolehan kognitif. Kajian menunjukkan bahawa kecenderungan terhadap masalah membaca, seperti disleksia, boleh berpunca daripada faktor genetik yang diwarisi daripada ahli keluarga terdekat. Antara faktor yang menjadi tunjang sebagai punca kelemahan murid dalam menguasai kemahiran membaca termasuklah;

1. Kecenderungan Disleksia dalam Keluarga

Disleksia ialah gangguan pembelajaran yang memberi kesan kepada keupayaan individu untuk membaca, mengeja dan menulis, walaupun mereka mempunyai kecerdasan normal. Kajian genetik mendapati bahawa disleksia cenderung berlaku dalam keluarga dan diwarisi secara genetik. Murid yang mempunyai ibu bapa atau adik-beradik dengan disleksia berisiko tinggi untuk mewarisi masalah yang sama (Pennington & Olson, 2005). Hal ini juga dihadapi oleh beberapa orang murid yang berada di kawasan OK9, Manggatal. Menurut Md Adil (2025),

terdapat ibu bapa yang tidak pandai membaca apabila Program Dialog Prestasi dijalankan di dalam kelas. Mereka sendiri yang mengakui dan meminta pihak guru yang membacakan keputusan anaknya. Ini menunjukkan bahawa, kecenderungan disleksia ini telah mengganggu proses pembelajaran murid sehingga mereka tercicir dalam akademik.

2. Pengaruh Genetik terhadap Kebolehan Bahasa

Kebolehan asas dalam bahasa seperti pengenalan fonem, memori kerja verbal, dan kecepatan memproses maklumat berkait rapat dengan komponen genetik. Kekurangan dalam kebolehan ini boleh menghalang perkembangan kemahiran membaca walaupun persekitaran pembelajaran adalah kondusif (Bishop, 2009). Dalam konteks di kawasan OK9 Manggatal, ibu bapa murid kerap menggunakan bahasa suku kaumnya berbanding menggunakan dialek Bahasa Melayu yang tepat. Penggunaan bahasa ini sedikit sebanyak akan merencatkan perkembangan kemahiran membaca dalam kalangan murid di kawasan OK9 Manggatal. Lantaran itu, dengan tiadanya kawalan penggunaan gajet dan telefon pintar di rumah, turut memberikan impak negatif terhadap murid terutamanya murid yang lemah dalam kemahiran membaca. Ini kerana, terdapat murid yang sering kali menggunakan istilah yang kurang tepat dalam Bahasa Melayu. Menurut Suhaimi (2025), terdapat murid yang tidak tahu penggunaan Bahasa Melayu sebenar. Contohnya, apabila ditunjukkan gambar tembikai kepada murid tersebut, mereka menjawab itu buah 'semangka'. Ini menunjukkan penggunaan Bahasa Indonesia menjadi bahasa komunikasi harian mereka.

3. Peranan Gen dalam Interaksi dengan Persekitaran

Faktor genetik tidak bertindak secara terasing, tetapi berinteraksi dengan persekitaran. Sebagai contoh, kanak-kanak yang mempunyai kecenderungan genetik untuk mengalami kesukaran membaca mungkin memerlukan intervensi yang lebih intensif berbanding rakan sebaya mereka yang tidak mempunyai kecenderungan tersebut (Olson et al., 2011). Faktor persekitaran tempat tinggal turut memberi kesan dalam perkembangan kemahiran membaca terhadap anak-anak di kawasan OK9 Manggatal. Sebagai contoh, rata-rata murid yang berada di Sekolah C tinggal di kawasan perairan (rumah atas air) dan ia menggambarkan bahawa kawasan persekitaran yang tidak begitu kondusif untuk proses interaksi sesama mereka (Abdullah, 2025). Begitu juga situasi murid di sekolah F yang tinggal di kawasan perumahan setinggan dan tidak mempunyai kemudahan elektrik sendiri. Apabila Program KAMIL dijalankan oleh pihak sekolah ke rumah murid yang mempunyai masalah ketidakhadiran, pihak sekolah mendapati sambungan elektrik tidak dipasang dengan sewajarnya tetapi disambung dari rumah berdekatan. Hal ini menggambarkan kawasan tempat tinggal murid terbabit adalah tidak kondusif untuk menggalakkan mereka belajar (Suhaimi, 2025) dan (Zulkifly, 2025).

4. Variasi Semula Jadi dalam Keupayaan Kognitif

Setiap individu dilahirkan dengan kebolehan kognitif yang berbeza. Bagi sesetengah murid, keupayaan intelektual dan memori berkaitan bahasa mungkin tidak berada pada tahap optimum untuk penguasaan membaca awal, yang sebahagiannya ditentukan oleh faktor keturunan (Plomin & Kovas, 2005). Ada sesetengah murid yang lemah dalam bidang akademik tetapi cemerlang pula dalam ko-kurikulumnya. Ini menunjukkan bahawa keupayaan kognitif antara murid adalah berbeza dan keupayaan ini seharusnya sejajar dengan pencapaian akademik. Namun, apa yang menghairankan guru, terdapat segelintir murid yang mempunyai tahap ingatan yang sangat lemah (Baranting, 2025). Ada murid yang dapat menyebut suku kata dengan baik tetapi tidak dapat membunyikan perkataan tersebut. Hari ini mereka dapat menyebut perkataan dengan baik, tetapi keesokan harinya mereka lupa (Mohd Zain, 2025).

Faktor ini berkemungkinan besar berkait rapat dengan rutin makanan seharian mereka di rumah.

Menurut Mohd Majzub (2003), peranan keterlibatan ibu bapa dalam proses pendidikan adalah amat penting bagi membentuk konsep sendiri anak-anak mereka. Konsep sendiri merupakan keseluruhan persepsi seseorang terhadap dirinya sendiri sama ada berbentuk deskriptif atau berupa penilaian secara kognitif. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa perlu melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses pendidikan anak-anak mereka. Menurut Mohamad Daud (1994) pula mengatakan, kanak-kanak yang hidup bersama ibu bapa akan memperoleh nilai kelas sosial yang diamalkan oleh keluarga. Keluarga golongan kelas sosial bawahan selalunya besar, kurang berkemampuan, dan ibu bapa kurang memberi perhatian individu kepada anak-anak. Ibu bapa ini mempunyai harapan rendah terhadap anak-anak, berbual tentang topik yang terbatas, dan mahukan anak-anak mengikut perintah mereka. Manakala keluarga daripada kelas sosial menengah selalunya kecil, menaruh harapan tinggi terhadap anak-anak, sentiasa bekerjasama, dan berusaha untuk memastikan supaya anak-anak mereka mendapat pencapaian yang lebih tinggi. Anak-anak mereka juga mempunyai sifat sendiri yang tinggi.

Berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan kepada beberapa orang responden menemukan bahawa faktor baka dan peranan ibu bapa jelas menunjukkan impak yang besar dalam proses kemahiran membaca mereka. Keterlibatan ibu bapa secara langsung akan memberikan kesan positif dalam pencapaian akademik anak-anak. Menurut Mokhtar et al., (2022b), ibu bapa yang tidak membantu sepenuhnya dalam PdPr pelajar akan menghasilkan implikasi negatif dalam keputusan akademik anak-anaknya, lantas ia turut menjadi faktor penyumbang kepada kegagalan anaknya dalam aspek bacaan. Menurut Mokhtar (2025), sikap ibu bapa yang tidak menerima teguran, sikap kurang kerjasama keluarga dan ibu bapa (Mohd Zain, 2025), (Zulkifly, 2025), (Nurman, 2025), (Md Adil, 2025) dan (Abdullah, 2025) serta tidak melibatkan diri dalam ujian individu murid bermasalah (Suhaimi, 2025) turut menjadi faktor dalam keciciran murid dalam aspek penguasaan membaca murid.

Demikianlah pengaruh faktor baka dan ibu bapa mempengaruhi pencapaian cemerlang akademik seseorang anak. Oleh itu, sebagai seorang ibu dan bapa, seharusnya memberikan galakkan dan dorongan dalam pendidikan agar anak-anak akan mendapat tempat di mata masyarakat suatu hari kelak. Sebagai saranan, ibu bapa boleh menerapkan empat bentuk cara asuhan keluarga dan ibu bapa terhadap anak-anak mereka yang boleh diadaptasi dalam kehidupan seharian (Baumrind, 1971) iaitu :

Jadual 2: Cara Asuhan Keluarga Dan Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak	
Cara Asuhan	Huraian
<i>Autoritarian</i> (peraturan dan hukuman)	Bentuk cara asuhan yang pertama ini ialah ibu bapa akan mengenakan peraturan dan hukuman kepada anak-anak mereka, kerana mereka mahukan anak-anak patuh dan hormati mereka. Segala kata-kata ibu bapa perlu dilaksanakan agar mereka tidak dikenakan sebarang hukuman rotan dan sebagainya. Anak yang dibesarkan dalam situasi sebegini biasanya tidak dapat bersosial dengan baik, kurang inisiatif dan kurang mahir dalam komunikasi dengan ibu bapa sekiranya ibu bapa tidak pandai mengambil hati dan perhatian mereka kembali.

Authoritatif
(kebebasan
terbatas)

Asuhan secara *authoritatif* pula ialah ibu bapa menggalakkan anak-anak mereka berdikari dan dalam masa yang sama, mereka memberi sedikit kawalan. Dalam hal ini, anak-anak bebas berkomunikasi secara lisan dengan ibu bapa dan menyokong perkembangan mereka. Anak yang dibesarkan begini menunjukkan tingkahlaku bersosial yang baik, berdikari, bersosial dengan baik, bersabar dan harga diri yang tinggi. Keprihatinan yang ditunjukkan oleh ibu bapa tersebut sudah memadai untuk anak-anak mereka menghormati, mematuhi dan memahami kehendak ibu bapanya.

Abaikan (tiada
penglibatan)

Bentuk asuhan ini adalah lebih bersifat permisif di mana ibu bapa tidak terlibat dalam kehidupan anak mereka secara langsung. Situasi ini berlaku mungkin disebabkan kesibukan dalam kerjaya atau seumpamanya sehinggakan mereka tidak sedar tingkah laku anaknya. Anak-anak begini tidak dapat bersosial dengan baik, tidak dapat mengawal diri dan tidak bermotivasi. Anak-anak juga akan sentiasa melakukan sesuatu di luar jangkaan dan seringkali terpengaruh dengan kehidupan rakan sebaya dan seumpama dengannya.


Indulgent
(penglibatan
tanpa disiplin)

Dalam bentuk asuhan keempat ini pula, ibu bapa terlibat dalam menjaga anak tetapi kurang mendisiplinkan anak. Mereka percaya, anak mereka akan kreatif dan berkeyakinan tinggi. Kesannya, anak mereka akan gagal mengawal diri dalam masyarakat dan akan melakukan sesuatu yang difikirkannya baik tetapi tidak memikirkan kesan kepada masyarakat.

Sumber: Baumrind, 1971

Faktor Eksogen

Selain faktor endogen, terdapat juga faktor eksogen yang turut mempengaruhi murid dalam penguasaan kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Mangatal, Sabah. Faktor tersebut termasuklah faktor kewangan, minat atau kebolehan, persekitaran dan pengaruh rakan sebaya. Ringkasan faktor-faktor eksogen ini adalah seperti rajah 4 berikut.



Rajah 4: Faktor-faktor eksogen yang mempengaruhi Kemahiran membaca

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Faktor Kewangan

Faktor kewangan turut menyumbang sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik dan tahap kemahiran membaca seseorang murid. Faktor kewangan merupakan salah satu punca utama yang menyumbang kepada kegagalan murid dalam menguasai kemahiran membaca. Kekangan kewangan boleh memberi kesan kepada pelbagai aspek perkembangan literasi kanak-kanak, terutamanya dari segi akses kepada bahan bacaan, sokongan pembelajaran di rumah, dan peluang pendidikan tambahan. Keluarga yang kurang berkemampuan menghadapi masalah untuk membeli peralatan dan bahan pembelajaran, membayar yuran sekolah, tambang bas, dan segala keperluan sekolah yang lain. Menurut Neuman & Celano (2012), murid dari keluarga berpendapatan rendah sering kekurangan bahan bacaan yang sesuai di rumah seperti buku cerita, majalah atau bahan bacaan digital. Tanpa pendedahan awal dan berterusan kepada bahan bacaan, perkembangan kemahiran literasi awal seperti mengenal huruf, kosa kata, dan struktur ayat akan terjejas. Tambahan lagi, mereka yang berpendapatan rendah tidak dapat melangsungkan Pendidikan anak-anak ke kelas tuisyen, sebaliknya hanya bergantung 100% pembelajaran di sekolah harian. Intervensi awal dalam bentuk tuisyen atau program pemulihan membaca yang berkualiti selalunya memerlukan kos yang tinggi. Murid dari latar belakang keluarga miskin mungkin tidak dapat menyertai program ini, menyebabkan mereka terus ketinggalan dalam penguasaan membaca (Snow, Burns, & Griffin, 1998).

Selain itu, keluarga berpendapatan rendah mungkin tidak mampu menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif di rumah. Ini termasuk kekurangan ruang belajar yang sesuai, peralatan pendidikan seperti komputer atau sambungan internet, dan kurangnya bimbingan ibu bapa yang berpendidikan (Torgesen, 2002). Keluarga miskin juga kurang mampu menyediakan rumah yang selesa untuk seisi keluarga menyebabkan suasana tidak kondusif untuk menjadi

tempat belajar. Menurut perangkaan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam akhbar The Sun bertarikh 22 Mei 2002, sebanyak 7.5 % penduduk Malaysia adalah di bawah paras kemiskinan. Ini bermakna seramai 1.7 juta penduduk Malaysia perlu diberi perhatian yang sewajarnya dan daripada jumlah tersebut sebanyak 16.5 % adalah daripada keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal.

Satu lagi kajian yang dijalankan oleh Universiti Malaya iaitu Leong Yin Ching (1990) tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid mendapati bahawa status sosioekonomi merupakan faktor utama bagi menentukan kejayaan seseorang murid terutama pada peringkat rendah (29.0%) dan berkurangan pada peringkat menengah (PMR 16.0% dan SPM 9.0%). Walau bagaimanapun, faktor sosioekonomi tidak mempengaruhi murid pada peringkat SPM. Kajian ini juga menjelaskan bahawa sosioekonomi keluarga juga mempengaruhi sikap murid terhadap aspirasi, motivasi, konsep sendiri, dan penyertaan dalam aktiviti kokurikulum. Kajian Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dijalankan oleh Arshat dan Baharudin (1999) juga mendapati bahawa faktor sosioekonomi, khususnya tahap pendidikan yang diterima oleh ibu bapa, mempengaruhi pencapaian akademik anak mereka. Hubungan kemiskinan dengan pencapaian dikaitkan juga dengan kesan negatif terhadap perkembangan minda.

Kesan ini termasuk *food deprivation* yang mempengaruhi konsentrasi dan pembelajaran harian; kekurangan nutrien atau zat yang mempengaruhi pembesaran; kekurangan pengawasan oleh ahli dewasa dan penjagaan anak yang akan menghad pembelajaran; kekurangan stimulasi yang mengakibatkan kekurangan motivasi untuk belajar dan melambatkan perkembangan kognitif; tingkah laku yang bermasalah, sikap sendiri yang rendah; buta huruf dan pencapaian rendah; gangguan kepada kehadiran ke sekolah dan tercicir dari sekolah serta kekurangan kemasukan ke universiti. Faktor kewangan sering berkait rapat dengan latar belakang sosioekonomi yang rendah, di mana murid kurang terdedah kepada bahasa standard yang digunakan dalam pembelajaran formal. Ini menjejaskan pemahaman mereka terhadap teks bacaan dalam konteks akademik (Hart & Risley, 1995). Demikianlah peranan yang dimainkan oleh faktor kewangan terhadap pencapaian murid dalam akademik mahupun dalam konteks kemahiran membaca. Dengannya murid mudah untuk menumpukan sepenuhnya terhadap pembelajaran dan tanpanya murid akan jauh ketinggalan di belakang. Untuk itu, faktor kewangan ini perlu diselesaikan segera agar pendidikan anak-anak tidak terhenti di pertengahan jalan sebaliknya mereka berjaya menjejak kaki ke menara gading. Dalam temu bual yang dijalankan, faktor kewangan ini turut menjadi salah satu faktor yang menyebabkan murid-murid di sekolah kawasan OK9 Manggatal tidak dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik (Abdullah, 2025) dan (Tahir, 2025).

Faktor Minat / Kebolehan

Minat merupakan salah satu pemacu utama dalam pembelajaran, khususnya dalam pembentukan kemahiran membaca. Tanpa minat yang kukuh terhadap aktiviti membaca, murid cenderung untuk mengabaikan aktiviti tersebut, sekali gus menjejaskan penguasaan mereka terhadap kemahiran asas literasi. Menurut Md Adil (2025), murid yang tidak menguasai kemahiran membaca adalah terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai minat untuk membaca manakala menurut Ag Ahmad (2025), murid tidak mempunyai target yang tinggi untuk memperbaiki kelemahan yang ada. Faktor minat dan kebolehan seseorang murid tidak sama antara satu sama lain. Secara realitinya, murid yang berada di kelas cemerlang biasanya murid yang cemerlang dalam bidang akademiknya, begitu juga sebaliknya. Namun tanpa kita sedari, sebenarnya murid-murid yang berada di kelas yang lemah memperoleh kelebihan dan

keistimewaan lain yang tidak diperoleh oleh murid-murid yang berada di kelas cemerlang. Dalam kajian yang dijalankan, kebanyakan daripada murid yang terlibat dengan aktiviti sukan adalah murid dari kelas yang lemah. Mereka boleh bermain dan bersukan dengan baik sehingga menempa nama sebagai murid terbaik kokurikulum. Ini jelas membuktikan bahawa kebolehan dan minat murid turut menjadi faktor penting dalam mencapai kecemerlangan dalam akademiknya. Murid yang berada di kelas yang lemah terdiri daripada mereka yang tidak mahir membaca, menulis dan mengira. Namun, dari sudut kecerdasan fizikal, mereka terkehadapan daripada murid yang berada di kelas cemerlang.

Gaya pembelajaran antara seorang murid dengan murid yang lain juga berbeza dan mengikut kecenderungan dan kebolehan masing-masing. Ada murid yang suka belajar bersendirian kerana mampu memperoleh pengetahuan dengan gaya berkenaan sedangkan sekumpulan yang lain lebih berminat belajar dalam kumpulan. Selain itu, terdapat murid yang memerlukan bimbingan guru. Murid sebenarnya mementingkan hasil daripada pembelajaran yang telah dilalui oleh mereka. Akhirnya, mereka berharap dapat menggunakan pengetahuan itu untuk berjaya dalam sesuatu peperiksaan. Mengikut Dunn (1989), teknik pembelajaran berkaitan cara memproses serta mengekalkan maklumat baru yang mempunyai hubungan dengan ciri-ciri biologi dan perkembangan sahsiah seseorang dan ia dipengaruhi oleh persekitaran, emosi, pengaruh sosial serta perasaan individu. Oleh itu, keberkesanan sesuatu pengajaran itu perlu diubahsuai mengikut gaya pembelajaran dan kecenderungan murid.

Menurut Suppiah (1998), perbezaan individu merupakan variasi atau ketidaksamaan individu daripada norma kumpulan, sama ada sifat-sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkahlaku, sosial, bakat dan lain-lain aspek yang mungkin terdapat dalam kalangan individu dalam sesebuah kumpulan. Menurut Baharin Abu (2007), murid mempunyai tahap motivasi yang berbeza iaitu berbeza sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran, memberi respon yang berbeza kepada persekitaran bilik darjah dan amalan pengajaran. Dapatan temu bual juga menunjukkan murid yang tercicir dalam kemahiran membaca di kawasan OK9 Manggatal juga tidak mempunyai motivasi tinggi untuk membaca (Md Adil, 2025) dan (Zulkifly, 2025). Ini bermakna pembelajaran boleh berlaku melalui pelbagai pendekatan kerana cara pengamatan dan pemprosesan maklumat yang berlaku dalam manusia adalah berbeza-beza. Ramai murid tidak menunjukkan minat terhadap membaca kerana bahan bacaan yang disediakan tidak menarik atau tidak sesuai dengan tahap perkembangan dan kecenderungan mereka. Apabila bahan bacaan dianggap membosankan atau sukar difahami, mereka mudah hilang motivasi untuk membaca (Guthrie & Wigfield, 2000).

Murid yang telah mengalami kesukaran membaca sejak awal mungkin membentuk persepsi negatif terhadap aktiviti membaca. Mereka menganggap membaca sebagai aktiviti yang membebankan dan tidak menyeronokkan. Sikap ini akan menurunkan tahap keterlibatan mereka dalam aktiviti membaca, sekali gus menghalang kemajuan mereka dalam aspek literasi (Baker & Wigfield, 1999). Menurut Zulkifly (2025), tiada sikap daya saing dalam diri murid juga penyebab kepada keciciran akademik di sekolah. Selain itu, kurangnya model pembaca dalam persekitaran mereka juga menyebabkan mereka tidak terdorong untuk membaca secara sukarela (Clark & Rumbold, 2006). Apatah lagi dengan kehadiran pengaruh teknologi dan media digital kini yang tidak dibendung oleh ibu bapa. Kehadiran media sosial, permainan video dan hiburan digital telah menenggelamkan minat murid terhadap bahan bacaan bercetak. Apabila minat beralih kepada kandungan visual dan interaktif, tumpuan terhadap aktiviti membaca semakin berkurang (Rideout, Foehr, & Roberts, 2010).

Faktor Persekitaran

Persekitaran memainkan peranan penting dalam pembentukan dan perkembangan kemahiran membaca. Jika murid dibesarkan dalam persekitaran yang tidak menyokong pembacaan, mereka cenderung menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran literasi asas. Rumah yang tidak menyediakan bahan bacaan seperti buku cerita, surat khabar atau bahan bacaan bergambar menyukarkan murid untuk membina tabiat membaca. Tambahan pula, ibu bapa yang tidak membaca atau tidak menggalakkan pembacaan akan memberi mesej bahawa membaca bukan satu aktiviti yang penting (Sénéchal & LeFevre, 2002). Faktor sekolah termasuklah guru, kemudahan pembelajaran, persekitaran pembelajaran, pembiayaan pendidikan, sistem pendidikan, cara penyampaian pendidikan, program sokongan, dan hubungan sekolah dan komuniti. Faktor persekitaran termasuk komuniti, budaya sesuatu bangsa atau kaum serta sistem sokongan yang wujud dalam masyarakat akan terus mewarnai kehidupan seseorang murid.

Dengan kata lain, budaya belajar seseorang murid itu dipengaruhi oleh pelbagai faktor khususnya faktor keluarga, sekolah serta persekitaran yang boleh menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang murid baik dalam apa bidang pun serta dalam kehidupan sebenarnya. Sekolah yang tidak menyediakan suasana pembelajaran yang positif atau bahan bacaan yang mencukupi juga menyumbang kepada kelemahan dalam membaca. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, faktor keadaan sekolah dan kelas yang tidak kondusif turut menjadi faktor keciciran akademik di sekolah OK9, Manggatal (Abdullah, 2025), (Baranting, 2025) dan (Mokhtar, 2025). Jumlah murid yang ramai dalam sesebuah kelas turut menyukarkan penumpuan berfokus kepada murid-murid yang lemah (Mokhtar, 2025) dan (Abdullah, 2025). Kekurangan program galakan membaca, perpustakaan yang terhad, dan guru yang kurang terlatih dalam pedagogi literasi boleh membantutkan kemajuan murid (OECD, 2010).

Hubungan yang rapat antara keluarga dan sekolah dapat membantu murid untuk berjaya dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, dapatan awal Kajian Penilaian Program Intervensi JPN bagi Menangani Keciciran di Sekolah Menengah (BPPDP, 2001b) menunjukkan masih terdapat ibu bapa yang melepaskan tanggungjawab mendidik dan membimbing anak mereka kepada pihak sekolah, sering tidak menghadirkan diri apabila dipanggil untuk berjumpa pihak sekolah, meminta orang lain seperti jiran untuk mengambil rekod kemajuan murid, dan kurang mengambil peluang untuk melibatkan diri dalam Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG). Terdapat juga ibu bapa yang enggan melayan atau membalas surat sekolah tentang masalah pembelajaran atau ponteng sekolah anak-anak mereka. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa dan keluarga tersebut tidak mengetahui tentang pencapaian sebenar anak mereka dalam pembelajaran dan kurang memberikan komitmen terhadap program pendidikan di sekolah sama ada dalam bentuk tenaga, masa atau wang ringgit. Menurut Bus, Van IJendoorn, & Pellegrini (1995), ibu bapa yang kurang pendidikan atau sibuk dengan pekerjaan mungkin tidak dapat meluangkan masa untuk membaca bersama anak-anak atau membimbing mereka

Menurut Mokhtar et al. (2021c) Ibu bapa bertanggungjawab memastikan anak-anak mereka menyiapkan tugas yang diberikan mengikut masa yang telah ditetapkan. Penglibatan ibu bapa dalam membantu proses PdPr anak-anak seperti bekerjasama dalam menyiapkan bahan PdP, *Project Based Learning* (PBL) dan memastikan pelajar menjawab Latihan dengan betul dan sebagainya. Secara tidak langsung penglibatan ibu bapa dalam PdPr ini membolehkan hubungan di antara ibu bapa, guru dan pelajar menjadi lebih baik dan mesra. Selain itu, senario di dalam kelas juga menjadi salah satu punca kemerosotan dalam pencapaian akademik murid.

Pada kebiasaannya, murid yang cemerlang akan berkawan dan bersaing dengan murid sekelas dengannya. Mereka akan saling berlumba-lumba untuk menyiapkan kerja sekolah, membantu guru, membuat latihan dan menjawab soalan ketika ditanya oleh guru. Namun apa yang berlaku di kelas lemah tidaklah seperti itu. Mereka saling melihat kelemahan rakannya dan menjadikan rakannya yang lebih malas sebagai kayu ukur. Persaingan yang mereka tampilkan ini bukanlah satu persaingan yang sihat bahkan ia mengundang kegagalan.

Faktor Rakan Sebaya

Rakan sebaya memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial dan pembelajaran murid. Pengaruh mereka boleh menjadi positif atau negatif terhadap perkembangan literasi, termasuk kemahiran membaca. Apabila interaksi dengan rakan tidak mendorong kepada budaya membaca, murid cenderung untuk kurang berminat dan lambat menguasai kemahiran ini. Menurut Rozmi (2007), pengaruh atau ugutan daripada rakan sebaya ditambah kekurangan ilmu bagi menyesuaikan diri dengan kehidupan dan mempunyai sikap ingin mencuba sesuatu yang tidak baik turut menjadi punca berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini. Dalam pembelajaran misalnya, murid-murid akan mudah terpengaruh dan terjebak dengan tingkahlaku yang dilakukan oleh rakan sebaya. Mereka sering mengikut dan meniru tabiat yang dilakukan oleh rakan-rakan dari mendengar pengajaran guru. Keadaan ini seringkali berlaku dalam kelas yang lemah. Murid mudah terpengaruh dengan sikap rakan sebaya terhadap membaca. Jika membaca dianggap sebagai aktiviti yang membosankan atau tidak popular dalam kalangan rakan, murid mungkin berasa malu atau kurang bermotivasi untuk terlibat dalam aktiviti membaca (Ryan, 2001). Hal ini terbukti selepas semua guru yang mengajar kelas tersebut akan mengeluh dengan sikap murid-murid yang tidak mahu membuat kerja rumah. Boleh dikatakan majoriti murid di kelas terakhir setiap tahun menghadapi masalah yang serupa. Maka dengan itulah, faktor pengaruh rakan sebaya yang negatif ini sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid.

Selain daripada faktor-faktor tersebut, terdapat juga beberapa faktor lain yang boleh dijadikan penyebab kepada murid bermasalah dalam pembelajaran di sekolah. Menurut Baranting (2025), kurangnya guru pemulihan di sekolah menjadi kekangan kepada proses pembelajaran bagi murid yang bermasalah. Murid yang lemah juga seringkali tidak hadir ke sekolah walaupun beberapa kali diminta (Md Adil, 2025) dan (Ag Ahmad, 2025). Tambahan Ag Ahmad (2025) lagi, rubrik pentaksiran yang di sediakan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) tidak membantu murid tersebut untuk menguasai kemahiran membaca. Ekoran daripada kesan Covid-19 yang lalu, murid kurang semangat untuk hadir ke sekolah (Moktar, 2025) dan terdapat juga perpindahan murid yang lemah dari sekolah lain masuk ke sekolah di kawasan OK9 dan ia meningkatkan jumlah murid yang tercicir dalam kemahiran membaca (Tahir, 2025) dan (Md Adil, 2025). Bagi pendapat Zulkifly (2025) pula, peningkatkan murid yang tidak menguasai kemahiran membaca di sekolahnya adalah kerana terdapat murid berkeperluan khas yang berada di kelas perdana. Kesemua faktor tersebut boleh menyumbang kepada masalah akademik dan juga masalah delinkuensi di sekolah. Untuk itu, guru perlulah mempelbagaikan cara dan kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat murid agar defesit kegagalan sekolah dapat dikurangkan.

Kesimpulan

Pengajaran dan pembelajaran adalah dua aspek penting yang dapat rnenentukan mutu pendidikan dan menghasilkan seorang manusia yang berguna dan berilmu pengetahuan. Walaupun keberkesanan pengajaran dan pembelajaran terletak pada berbagai faktor, namun

konsep yang jelas dan menjurus ke arah pembinaan manusia berfikir merupakan titik tolak kejayaan sesuatu pengajaran yang dilaksanakan. Setelah kajian ini dijalankan, terdapat beberapa konsep dan teori pembelajaran dan pengajaran yang ada, maka konsep pembelajaran alternatif berteraskan kepada konsep yang proaktif, sesuai untuk diadaptasikan di era ini. Kefahaman yang jelas tentang pengajaran dan pembelajaran akan menghasilkan seorang murid yang cemerlang dari pelbagai sudut sama ada akademik, rohani, jasmani, sahsiah dan sebagainya. Bagi memastikan murid sebagai tonggak negara yang amat berharga, maka guru perlu mempergiatkan lagi usaha dalam menyebarkan ilmu pengetahuan yang selaras dan sejajar dengan potensi setiap murid. Mempelbagaikan teknik, cara, dan kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjadi kayu ukur kepada pemahaman murid sekaligus melahirkan murid yang celik dalam ilmu pengetahuan. Kejayaan dan kecemerlangan murid pada hari ini adalah satu tanggapan awal bahawa negara kita bakal menerima pemimpin yang cekal dan berwibawa pada masa akan datang. Tuntasnya, kajian ini telah mencapai objektif kajian dan membuka ruang kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah untuk sama-sama membendung penularan masalah ini pada masa akan datang dengan pendekatan yang efektif.

Penghargaan

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di atas kelulusan Geran Penyelidikan Seed Money (GSM3469) serta pihak Global Academic Excellence (GAE) atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdullah, N. (2025). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Manggatal. Temu bual, 3 Julai.
- Ag Ahmad, D. A. (2025). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Manggatal. Temu bual, 23 Julai.
- Apiu, R. (2024). Permasalahan Murid Tidak Menguasai Kemahiran 3M. Temu bual. 11 Julai.
- Apiu, R. (2025). Tahap Penguasaan Murid dalam Kemahiran Membaca. Temu bual. 12 Julai.
- Arshad, M. (2003). Pendidikan literasi bahasa Melayu: Satu pendekatan bersepadu. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Arshat, Z. & Baharudin, R. (1999). Hubungan antara status sosioekonomi dan pencapaian akademik kanak-kanak. Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Baharin, A. (2007). Pengajaran dan Pembelajaran: Pendekatan, Teori dan Aplikasi. Kuala Lumpur: PTS.
- Baker, L., & Wigfield, A. (1999). Dimensions of children's motivation for reading and their relations to reading activity and reading achievement. *Reading Research Quarterly*, 34(4), 452–477.
- Baranting, D. (2025). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Manggatal. Temu bual, 3 Julai.
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology Monograph*, 4(1, Pt.2), 1–103.
- Bishop, D. V. M. (2009). Genes, cognition, and communication: Insights from neurodevelopmental disorders. *Annals of the New York Academy of Sciences*, 1156(1), 1–18.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Brophy, J. (2000). Teaching. Educational Practices Series–1. UNESCO.

- Bus, A. G., Van IJzendoorn, M. H., & Pellegrini, A. D. (1995). Joint book reading makes for success in learning to read: A meta-analysis on intergenerational transmission of literacy. *Review of Educational Research*, 65(1), 1–21.
- Chall, J. S. (1996). *Stages of Reading Development*. (2nd ed.). Harcourt Brace.
- Clark, C., & Rumbold, K. (2006). *Reading for pleasure: A research overview*. National Literacy Trust.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dunn, R. (1989). Learning style: State of science. *Theory into Practice*, 28(3), 10–19.
- Guthrie, J. T., & Wigfield, A. (2000). Engagement and motivation in reading. In M. L. Kamil, P. B. Mosenthal, P. D. Pearson, & R. Barr (Eds.), *Handbook of reading research* (Vol. 3, pp. 403–422). Lawrence Erlbaum Associates.
- Hart, B., & Risley, T. R. (1995). *Meaningful differences in the everyday experience of young American children*. Paul H. Brookes Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Laporan LINUS Tahunan 2015*.
- Leong, Y. C. (1990). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Universiti Malaya.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. SAGE Publications.
- Mahamod, Z. (2008). Psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. (Pnyt.). Shah Alam: Penerbitan Karisma.
- Mahmor, N. A., Mokhtar, S. A., & Yusof, H. (2018). Tahap penguasaan literasi murid sekolah rendah luar bandar di Sabah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 23–35.
- Md. Adil, A. S. (2025). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Manggatal. Temu bual, 23 Julai.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Mohamad Daud, M. (1994). *Pendidikan dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majzub, R. (2003). *Pendidikan dan Sosialisasi*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Majzub, R. (2003). *Pendidikan Prasekolah : Cabaran Kualiti* (Syarahan Perdana). Bangi : Penerbit Malindo Sdn. Bhd.
- Mohd Zain, S. (2025). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Manggatal. Temu bual, 3 Julai.
- Mokhtar, S., & Thia, K. (2023). Tahap Penerimaan Dan Keberkesanan Kursus Tasawwur Islam Dalam Kalangan Mahasiswa Asasi Di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 56-69.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H., Muis. A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R. & Lukin, S. A. (2021d). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Volume 6 Issue 23 (April 2021). 140-156.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Abu Bakar, A. L., & Esa, M. S. (2021a). Kelangsungan Pengajaran Dan Pembelajaran Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Penularan Covid-19 Menerusi Online: Satu Resolusi Kementerian Pendidikan Malaysia. *Journal of Information System and Technology Management*, 6 (23), 34-46.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ramlie, H. A., & Ariffin @ Eduny, S. (2022b). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-

- Guru Di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 96-111
- Mokhtar, S., Ramlie, H., Januin, J., Jawing, E., & Abang Muis, A. M. R. (2022a). Analisis Persamaan Dan Perbezaan Prinsip Komunikasi Dalam Kitab Al-Quran Dan Veda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 152-165.
- Mokhtar, S., Shah, M. K. M., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021b). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* (IJEPC). Volume 6 Issue 39 (May 2021). 178-193.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021c). Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 di Sandakan, Sabah: Cabaran dan Signifikan. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 - 05 August 2021. 348-359.
- Mokhtar, S., Thia, K., Ramlie, H. A. & Abang Muis, A. M. R. (2019). *Falsafah Pendidikan Islam Merentas Kurikulum Alaf Ke-21*. e-Proceeding Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan Kali Ke-2. 94-105.
- Mokhtar, R. (2025). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Manggatal. Temu bual, 23 Julai.
- Mustapha, R., Rahman, S., & Yunus, J. (2010). Parental involvement and literacy achievement in early education: A Malaysian perspective. *International Journal of Learning*, 17(5), 365–378.
- Neuman, S. B., & Celano, D. (2012). Giving our children a fighting chance: *Poverty, literacy, and the development of information capital*. Teachers College Press.
- Nurman, Z. (2025). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Manggatal. Temu bual, 3 Julai.
- OECD. (2010). *PISA 2009 results: Learning to learn – Student engagement, strategies and practices (Volume III)*. OECD Publishing.
- Olson, R. K., Keenan, J. M., Byrne, B., & Samuelsson, S. (2011). Why do children differ in their development of reading and related skills? *Scientific Studies of Reading*, 15(1), 1–6.
- Othman, Y. (2008). Proses dan strategi membaca berkesan. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Paris, S. G., & Paris, A. H. (2003). Assessing and nurturing metacognition in young children. *Reading Teacher*, 56(8), 684–686.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Pennington, B. F., & Olson, R. K. (2005). Genetics of dyslexia. In M. Snowling & C. Hulme (Eds.), *The science of reading: A handbook* (pp. 453–472). Blackwell Publishing.
- Plomin, R., & Kovas, Y. (2005). Generalist genes and learning disabilities. *Psychological Bulletin*, 131(4), 592–617.
- Rasinski, T. (2003). The Fluent Reader: Oral Reading Strategies for Building Word Recognition, Fluency, and Comprehension. Scholastic.
- Razak, M. S. (2007). Intelpek kurang membaca. Utusan Malaysia, 26 November.
- Rideout, V. J., Foehr, U. G., & Roberts, D. F. (2010). *Generation M2: Media in the lives of 8-to 18-year-olds*. Kaiser Family Foundation.

- Rozmi Ismail dan Norhayati Ibrahim. (2007). Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia Universiti Kebangsaan Malaysia. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia Kementerian Belia Dan Sukan.
- Rozmi, I. (2007). Pengaruh rakan sebaya terhadap tingkah laku pelajar. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 21(1), 55–70.
- Sénéchal, M., & LeFevre, J. (2002). Parental involvement in the development of children's reading skills: A five-year longitudinal study. *Child Development*, 73(2), 445–460.
- Snow, C. E. (2002). Reading for Understanding: Toward an R&D Program in Reading Comprehension. RAND Education.
- Snow, C. E., Burns, M. S., & Griffin, P. (Eds.). (1998). *Preventing reading difficulties in young children*. National Academy Press.
- Suhaimi, S. (2025). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Manggatal. Temu bual, 21 Julai.
- Suppiah, S. (1998). Perbezaan individu dalam pembelajaran. Kuala Lumpur: DBP.
- Tahir, R. (2025). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Manggatal. Temu bual, 21 Julai.
- The Sun. (2002, May 22). Keluarga miskin dan pendidikan. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.
- Torgesen, J. K. (2002). The prevention of reading difficulties. *Journal of School Psychology*, 40(1), 7–26.
- Yaakub, S. (2008). Penguasaan bacaan mekanis di kalangan murid darjah 3: Satu kajian kes di Sekolah Umar Ali Saifuddin,
- Yusof, H., & Abdullah, N. (2014). Pengaruh budaya sekolah terhadap amalan membaca. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(2), 45–53.
- Zulkifly, R. (2025). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca di sekolah kawasan OK9, Manggatal. Temu bual, 23 Julai.